

1 PB 19-06 00194 RA085

aab

Mahathir - Gulung

DR MAHATHIR HARAP PINDAAN PERLEMBAGAAN KEKANG RASUAH PARTI

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap tidak ada lagi amalan rasuah di kalangan anggota UMNO selepas ini berikutan pindaan perlembagaan parti itu hari ini untuk membanteras gejala politik wang.

Perdana Menteri berkata berdasarkan kepada nada perbincangan dan penerimaan sebulat suara perwakilan terhadap pindaan itu, beliau percaya anggota UMNO menyedari kebucukan amalan rasuah dan mahu menghapuskannya.

"Saya yakin kalau berlakupun rasuah, ia akan berlaku di bawah meja... jauh di bawah meja dan tidak lagi secara terang-terangan," katanya ketika menqgulung perbincangan pada Perhimpunan Agung Khas UMNO di sini.

Katanya, keadaan yang berlaku pada pemilihan parti tahun lepas yang menyaksikan amalan sogokan berleluasa di kalangan mereka yang bertanding, menyebabkan pindaan terpaksa dibuat bagi membanteras gejala itu sebelum merosakkan parti.

Rasuah dalam parti pada ketika itu sudah hampir sampai ke tahap seolah-olah sudah diterima umum dengan pemberian dibuat di atas meja, katanya.

Keadaan itu, katanya, lebih bahaya daripada rasuah biasa yang selalunya dilakukan secara bersembunyi kerana pemberi dan penerimanya bimbang dihina oleh masyarakat. -- Lagi.

♥19/06/18-50MST

R PB 19-06 00164

aab

Mahathir - Gulung 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga mengingatkan anggota UMNO tentang pentingnya amalan itu dihapuskan pada peringkat parti kerana bimbang pemimpin yang rasuah dalam parti terbawa-bawa ke dalam pentadbiran kerajaan.

Beliau menjadikan Sabah sebagai contoh berlakunya amalan rasuah yang bermula di peringkat parti sehingga ke pentadbiran negeri yang menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada pemimpin yang mengakibatkan parti kalah dalam pilihan raya.

"Walaupun kita percaya kita boleh sogok semua orang dalam parti, tetapi pada pilihan raya kita tidak boleh menyogok semua pengundi," katanya.

Dalam hal ini Perdana Menteri mengingatkan anggota parti tentang pentingnya mereka membantu membanteras politik wang sebagai usaha memastikan UMNO tidak ditolak oleh rakyat akibat tidak menghiraukan teguran mereka dan sebaliknya asyik dengan kemewahan sendiri.

"Saya yakin rakyat akan menolak kita jika kita tidak bertanggungjawab terhadap mereka," katanya. Jika keadaan itu berlaku harapan UMNO untuk terus memerintah negara sehingga mencapai matlamat wawasan 2020 tidak akan tercapai. -- Lagi.

♥19/06/21-57MST

Mahathir - Gulung 3 Kuala Lumpur

Mengenai pelaksanaan terhadap pindaan perlembagaan itu, Dr Mahathir memberi jaminan tidak akan berlaku penganiayaan terhadap mana-mana pihak kerana penapisan akan dilakukan di pelbagai peringkat dan bukan setakat oleh Jawatankuasa Disiplin serta Majlis Tertinggi.

"Tetapi kalau semua pihak enggan bertindak terhadap sebarang perbuatan rasuah dalam parti, termasuk Jawatankuasa Disiplin, ini bermakna UMNO sudah sampai ke peringkat bahaya."

Beliau berkata, hukuman tidak akan dikenakan dengan sewenang-wenangnya tanpa siasatan rapi.

Dr Mahathir menasihatkan mana-mana pihak yang ingin menderma kepada parti menyalurkan derma itu terus kepada ibu pejabat dan tidak ke cawangan atau bahagian agar ia dapat diagih-agihkan sama rata dan semua anggota akan menikmati faedahnya.

Beliau juga berharap derma kepada parti tidak hanya dibuat pada musim pemilihan jawatan-jawatan parti yang berlangsung tiga tahun sekali kerana ia boleh disalahtafsir sebagai ingin mencari pengaruh.

-- Lagi.

BH802

R PB 19-06 00170

AAB

Mahathir - Gulung 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau menyanjungsi sikap yang ditunjukkan sesetengah pemimpin veteran seperti Tan Sri Aishah Ghani (bekas ketua Pergerakan Wanita) yang sanggup mengundur diri secara sukarela bagi memberi peluang kepada pemimpin muda dan pada masa yang sama masih terus berbakti kepada parti.

"Kalau semangat seperti ini diteruskan kita tidak perlu menggunakan politik wang dan UMNO akan terus mantap," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir kesal masih ada bekas pemimpin yang kini mengambil sikap berkecuali dalam UMNO sedangkan mereka mendapat sokongan anggota parti suatu masa dahulu.

"Mereka tidak patut bersikap seumpama itu kerana dulu giliran dia, kini giliran kita dan esok giliran orang lain pula," katanya.

Menyentuh cadangan seorang perwakilan ke perhimpunan hari ini

supaya pembacaan ikrar menentang sebarang bentuk salah laku diadakan setiap kali perhimpunan, Dr Mahathir berkata, perkara itu tidak perlu sekiranya semua anggota berpegang kepada nilai-nilai yang mulia.

"Kadang-kadang apa yang diikrarkan tidak sama dengan apa yang dilakukan," katanya. -- Bernama.

JO KAM.